



**PEKELILING
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT
BIL. 3 TAHUN 2013**

**KEBENARAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN DAN PEMANDU KENDERAAN
PERKHIDMATAN AWAM KELAS TEKSI JENIS PERKHIDMATAN**

**BAJET (“TEKSI BAJET”),
PREMIER (“TEKSI PREMIER”),
EKSEKUTIF (“TEKSI EKSEKUTIF”) DAN
1MALAYSIA (“TEKS1M”)**

**BEROPERASI DI BANGUNAN TERMINAL UTAMA LAPANGAN TERBANG
ANTARABANGSA KUALA LUMPUR DAN TERMINAL KLIA2 LAPANGAN
TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR**

TARIKH: 15 MEI 2013

KEBENARAN UNTUK PENGENDALI BERLESEN DAN PEMANDU TEKSI BAJET, TEKSI PREMIER, TEKSI EKSEKUTIF DAN TEKS1M BEROPERASI DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR DAN TERMINAL KLIA2 LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR

TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan tentang kebenaran yang diberikan kepada pengendali berlesen dan pemandu Teksi Bajet, Teksi Premier, Teksi Eksekutif dan TEKS1M untuk beroperasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (“KLIA”) dan Terminal klia2 Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (“klia2”).

LATAR BELAKANG

2. Dasar pelesenan semasa menetapkan bahawa hanya kenderaan di bawah lesen pengendali kelas teksi lapangan terbang sahaja yang dibenarkan untuk menghantar dan mengambil penumpang di KLIA dan Terminal Kos Rendah Sepang (*Low Cost Carrier Terminal*) (“LCCT”). Jenis perkhidmatan Teksi Bajet dan Teksi Eksekutif pula hanya dibenarkan menghantar penumpang ke KLIA dan LCCT dan tidak dibenarkan mengambil penumpang tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (“S.P.A.D”).

3. Permintaan yang semakin bertambah setiap tahun memberi cabaran yang amat tinggi kepada pengendali teksi lapangan terbang sedia ada dalam memenuhi permintaan tersebut. Ini menyebabkan terdapat penumpang yang terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan perkhidmatan teksi.
4. S.P.A.D mengambil maklum bahawa pembukaan klia2 kelak akan menuntut lebih banyak perkhidmatan pengangkutan awam disediakan.
5. Sejajar dengan aspirasi untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam darat, S.P.A.D berpendapat bahawa penumpang perlu diberikan alternatif sebanyak mungkin mengenai mod pengangkutan yang bakal menjadi pilihan mereka.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

6. S.P.A.D telah memutuskan bahawa Teksi Bajet, Teksi Premier, Teksi Eksekutif dan TEKS1M dibenarkan untuk beroperasi di KLIA bagi mengantar dan mengambil penumpang. Teksi-teksi tersebut juga dibenarkan untuk beroperasi di klia2 apabila terminal tersebut mula beroperasi.
7. Kebenaran untuk memasuki KLIA dan klia2 diberikan kepada setiap kenderaan teksi yang menepati kriteria seperti ditetapkan di dalam Perkara 10 Pekeliling ini.

8. Pelaksanaan ini melibatkan beberapa perkara seperti di bawah yang perlu diambil perhatian.

9. Jenis Perkhidmatan yang dibenarkan

TEKS1M dan Teksi Eksekutif (dari seluruh Semenanjung Malaysia) serta Teksi Bajet dan Teksi Premier (dari kawasan Lembah Klang sahaja).

10. Spesifikasi dan Keadaan Kenderaan

Spesifikasi dan keadaan kenderaan hendaklah menepati aspek-aspek berikut:

BIL.	KOMPONEN	KETERANGAN
1.	Spesifikasi dan Keadaan Dalaman Kenderaan	<ul style="list-style-type: none">• Mempunyai penyaman udara yang berfungsi dengan baik.• Mempunyai meter tambang yang berfungsi dan mempunyai spesifikasi untuk mencetak resit secara automatik sebaik sahaja butang berhenti ditekan.• Keadaan kusyen tempat duduk yang bersih dan kemas.

2.	Keadaan Luaran Kenderaan	<ul style="list-style-type: none"> • Tiada kesan kemalangan. • Keadaan fizikal kenderaan hendaklah kemas dan bersih. • Jika terdapat iklan di bahagian luar kenderaan, iklan tersebut hendaklah mengikut kriteria seperti yang ditetapkan oleh S.P.A.D.
----	--------------------------	--

11. Kadar Tambang

11.1 Kadar tambang adalah mengikut meter dan kadar tambang yang telah ditetapkan.

11.2 Lain-lain kadar yang dibenarkan adalah seperti yang ditetapkan di dalam Lampiran A Pekeliling ini - '*Tambang dan Kadar kelas Teksi: Lain-Lain Kadar bagi Teksi Bajet, Teksi Premier, Teksi Eksekutif dan TEKS1M*'.

11.3 Caj tambahan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Belas (“RM12.00”) bagi membawa penumpang ke KLIA dan klia2 tidak lagi dibenarkan untuk *Teksi Bajet, Teksi Premier, Teksi Eksekutif dan TEKS1M* kecuali untuk perjalanan ke LCCT tertakluk kepada perkara 11.4.

11.4 Caj tambahan tidak dibenarkan bagi membawa penumpang:

- (i) dari KLIA dan klia2 ke LCCT dan sebaliknya; dan
- (ii) dari KLIA ke klia2 dan sebaliknya.

12. Syarat-Syarat Operasi

Pengendali berlesen dan pemandu Teksi Bajet, Teksi Premier, Teksi Eksekutif dan TEKS1M hendaklah mematuhi syarat-syarat operasi seperti berikut:

BIL.	KOMPONEN	KETERANGAN
1.	Pakaian Seragam	<p>Pengendali berlesen dan pemandu hendaklah sentiasa berpakaian seragam dengan kemas semasa beroperasi:</p> <ul style="list-style-type: none">• Memakai kemeja berwarna putih atau batik, berbutang dengan lengkap;• Memakai seluar panjang berwarna gelap; dan• Memakai kasut bertutup berwarna hitam.
2.	Kebersihan Teksi	Pengendali berlesen dan pemandu hendaklah memastikan kenderaan sentiasa berada di dalam keadaan yang bersih, selesa dan menggunakan pewangi kenderaan.

3.	Kad Pemandu	Kad Pemandu yang sah hendaklah sentiasa dipamerkan seperti ditetapkan dalam syarat Lesen Pengendali.
4.	Penyerahan Resit	Resit tambang hendaklah dicetak dari meter dan diserahkan kepada penumpang bagi setiap perjalanan.
5.	Kawasan Operasi	Kawasan operasi adalah kekal seperti mana yang tertera di dalam permit perkhidmatan Lesen Pengendali.
6.	Etika pemandu	Hendaklah mengikut “kod etika pemandu” selain mengenakan haruman yang bersesuaian bagi keselesaan penumpang.

PEMAKAIAN

13. Pekeliling ini hanya terpakai kepada Teksi Bajet, Teksi Eksekutif, Teksi Premier dan TEKS1M yang beroperasi di KLIA dan klia2 sahaja. Perkhidmatan ke LCCT masih kekal seperti dasar semasa.

TARIKH KUATKUASA PEKELILING

14. Arahan pekeliling ini berkuat kuasa mulai **15 Mei 2013**.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



MOHD NUR ISMAL BIN MOHAMED KAMAL
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

LAMPIRAN A

Tambang dan Kadar Kelas Teksi:

Lain-Lain Kadar bagi Teksi Bajet, Teksi Premier, Teksi Eksekutif dan TEKS1M.

Bil.	Kriteria	Kadar Yang Perlu Dibayar Oleh Penumpang
1.	Di antara pukul 12.00 malam dan 6.00 pagi	Mengikut kadar yang ditetapkan dari masa ke semasa
2.	Bagi setiap sewa yang melibatkan bayaran tol	Bayaran tol yang dikenakan
3.	Bagi setiap sewa yang dikendalikan melalui telefon	Mengikut kadar yang ditetapkan dari masa ke semasa
4.	Bagi membawa penumpang ke LCCT	Mengikut kadar yang ditetapkan dari masa ke semasa

Sumber Rujukan:

Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dan perundangan subsidiarinya serta Pekeliling SPAD yang terkini.